

KEM SKOR A UPSR

Oleh: Asniah Udin



Kem Skor A UPSR telah diadakan pada 04 – 06 June 2010 bertempat di perkarangan SPPS, UMS. Program ini telah dirasmikan oleh Datuk Zainab Ayib, ADUN Sepanggar manakala Pengarah bagi program ini ialah Saudari Alicia S. Awang. Program ini

diadakan sebagai salah satu persediaan kepada para pelajar Tahun Enam yang bakal menghadapi peperiksaan UPSR. Di samping itu, program ini memberikan suntikan motivasi kepada para pelajar untuk menyimpan hasrat dan

cita-cita bagi melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi iaitu ke peringkat menara gading selain mengalakkan para pelajar untuk lebih berdikari dalam kehidupan dan memupuk semangat kerjasama bersama pelajar lain.